

19 SEP 2002

Mahathir-Islam

UMAT ISLAM PERLU BANGKIT MEMBELA MARUAH TERCEMAR, KATA DR MAHATHIR

KEPALA BATAS, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengajak umat Islam supaya bangkit membela maruah yang tercemar setelah dilabelkan oleh golongan tertentu sebagai pencetus kepada kejadian buruk di dunia masa kini.

Perdana Menteri berkata usaha itu perlu dilakukan secara berhemah dan berpegang kepada prinsip bahawa Islam tidak menganjurkan permusuhan dan keganasan.

Penolakan Islam terhadap sebarang elemen permusuhan dan keganasan mesti ditonjolkan dalam segenap ruang kehidupan umatnya dengan unsur-unsur keindahan yang ada pada Islam, katanya pada ucapan perasmian Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan ke-45 yang berlangsung di Dewan Milenium di sini.

Teks ucapannya dibacakan oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata tindakan yang dilakukan perlu mempamerkan pada dunia sejagat bahawa Islam adalah agama bermaruah.

Dr Mahathir berkata keganasan dan kemunduran telah menjadi begitu sinonim dengan Islam dan umat Islam manakala musuh-musuh Islam telah berjaya mencorakkan pemikiran masyarakat dunia bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan keganasan.

Pelbagai insiden dan fakta yang berunsur keganasan dikaitkan dengan umat Islam hinggakan Islam dan umatnya kini terpalit dengan pelbagai tohmahan yang telah melenyapkan keindahan yang dimiliki agama yang suci ini, katanya.

Sebagai umat yang mengaku beriman kepada Allah dan Rasul, beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam memperbetulkan keadaan ini dan mempamerkan semua keindahan dan kebenaran yang ada pada nilai dan cara Islam dalam kehidupan seharian umatnya.

"Walaupun senario yang berlaku dalam kehidupan umat Islam pada hari ini, seolah-olah menafikan keindahan yang ada pada nilai-nilai Islam tersebut dan ianya terlindung dengan sikap umat Islam sendiri, namun kita harus bertekad memperbetulkannya agar umat Islam sentiasa dipandang tinggi oleh orang-orang bukan Islam," katanya.

Sekiranya umat Islam sendiri masih kabur tentang ajaran Islam sebenar dan terpesong kerana kepentingan-kepentingan lain dan tidak bersungguh-sungguh menghayatinya, nescaya Islam akan hanya indah pada nama sahaja, bukan pada kualitinya, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, penyelewengan ajaran Islam oleh pihak-pihak tertentu sekiranya tidak dibendung akan menjadi penghalang utama kepada kecemerlangan umat.

Katanya, ciri-ciri keindahan Islam boleh dilihat daripada sudut akidah, syariat dan akhlak.

Sekiranya umat Islam berpegang teguh kepada akidah dan syariat yang telah digariskan oleh agama Islam, nescaya akan lahirlah umat Islam yang sejati dengan akhlak dan tingkah laku yang baik yang mencerminkan keperibadian seorang muslim seperti yang digambarkan oleh Al-Quran, katanya.

Menurutnya, dunia masa kini menyaksikan umat Islam saling bertelagah antara satu sama lain akibat akibat perselisihan pendapat atau fahaman tentang ajaran Islam.

"Kita lihat perselisihan atau pertelingkahan yang berlaku di kalangan

umat Islam dahulu dan sekarang adalah akibat daripada penyalahgunaan agama Islam untuk kepentingan lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, agama Islam diseleweng oleh mereka yang kononnya mendakwa diri mereka pemimpin Islam atau ulama dan ia sudah sampai ke peringkat paling buruk sehingga mempersenda atau menghina orang Islam.

"Malah Allah s.w.t. turut dihina oleh golongan ini yang telah jelas sudah sesat. Perbuatan itu memang dilarang sama sekali oleh Islam seperti firmanNya di dalam surah al-Hujurat, ayat 11," katanya.

Katanya, perkembangan yang buruk ini amat membimbangkan umat Islam.

Beliau berkata, perkara itu boleh berlaku kerana umat Islam kurang mendalami ilmu teras tentang Islam dan pentafsiran Islam tidak mengikut paradigma, dasar, falsafah, ilmu dan nilai Islam secara menyeluruh dan sistematik.

Dr Mahathir berkata malahan ada antara umat Islam yang sanggup mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran mengikut kehendak nafsu sendiri demi kepentingan tertentu dengan tafsiran dan terjemahan yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

Katanya, pentafsiran "Tuhan samseng" terhadap nama-nama Allah yang maha suci adalah contoh penyelewengan yang paling ketara yang berlaku akibat daripada kurangnya penekanan terhadap aspek-aspek penghayatan akidah, syariat dan akhlak Islamiah.

Malam ini, dua qari iaitu Haji Abdul Rashid Abd Rahman dari Melaka dan Abdul Aziz Mohamad dari Kelantan serta qariah Kedah Che Ah Jamaluddin memperdengarkan bacaan masing-masing. Tilawah akan berlangsung sehingga Isnin.

-- BERNAMA

AHM MOZ